



Tarikh : 26hb.November 2011  
Rujukan : Perkemas/Sbh/003/(2011/074)

Yang Berhormat Pengerusi,  
Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen  
Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihanraya Malaysia.  
(UP : YB. Datuk Seri Panglima Maximus J. Ongkili).

YB. Datuk Seri,

**CADANGAN-CADANGAN BERHUBUNG DENGAN  
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHANRAYA OLEH  
PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SABAH (PERKEMAS SABAH).**

Adalah dengan segala hormatnya perkara tersebut dirujuk untuk perhatian YB. Datuk Seri.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Sabah (**Perkemas Sabah**) adalah sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah diluluskan pendaftarannya oleh Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Cawangan Sabah pada 18 Ogos 2010.
3. Sehubungan dengan perkara tersebut, Perkemas Sabah telah membuat satu ketetapan untuk memberikan Cadangan-Cadangan yang bersesuaian untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berhubung perkara tersebut. (*Cadangan-Cadangan disertakan bersama sebagai Lampiran 1*).
4. Adalah diharapkan Cadangan-Cadangan ini kelak akan dapat membantu dalam usaha memantapkan Proses Penambahbaikan Pilihanraya di Malaysia.

**“Masyarakat didahulukan, Kebajikan diutamakan”**

5. Keprihatinan, pertimbangan dan jasa baik YB. Datuk Seri serta Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen amatlah kami hargai dan sanjung tinggi. Justeru itu didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, salam hormat,

**“ MASYARAKAT DIDAHULUKAN KEBAJIKAN DIUTAMAKAN ”**

Yang benar,



**( Drs. Md. Marsidi Bin Katong )**

Presiden

**Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Sabah (Perkemas Sabah).**

**Hotline – 012-8379157.**

SK

-

Fail/SU/suk/261111

**Lampiran 1.**

**CADANGAN-CADANGAN  
BERHUBUNG DENGAN  
PROSES PENAMBAHBAIKAN  
PILIHANRAYA.**

**OLEH:**

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SABAH,  
PERKEMAS SABAH.**

**"Masyarakat Didahulukan, Kebajikan Diutamakan"**

PERKEMAS mencadangkan:

- 1) Selepas sebuah kerajaan dibentuk melalui proses pilihanraya, fokus utama kerajaan, pembangkang, dan parti-parti yang terbabit hendaklah kembali kepada **PEMBANGUNAN NEGARA**. PERKEMAS mencadangkan agar SPR mewujudkan peraturan **“Tempoh Bertenang” selama 3 tahun**, di mana semua parti hendaklah menumpukan kerja-kerja membangunkan negara dengan mengenyampingkan isu-isu politik, sebaliknya fokus kepada isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara.
- 2) Semua parti politik yang menyertai pilihanraya mestilah secara matang dan profesional tanpa prejudis menerima keputusan pilihanraya. PERKEMAS mencadangkan agar **SPR bertegas terhadap mana-mana parti yang menimbulkan kekecohan** selepas keputusan pilihanraya diumumkan. SPR juga perlu mengeluarkan satu garis panduan (kod etika) yang diterima-pakai oleh semua parti. Sesiapa yang melanggar “kod etika” tersebut boleh didenda. Tujuan sebenar “kod etika” ini adalah untuk menyerap nilai-nilai moral melalui demokrasi terpimpin.
- 3) Setiap kali Pilihanraya Umum atau Pilihanraya Kecil diadakan, SPR membelanjakan jutaan ringgit untuk memastikan perjalanan pilihanraya telus, dan lancar. Bagi menjimatkan kos, PERKEMAS mencadangkan sekiranya DUN/MP meninggal dunia, **Pilihanraya Kecil tidak perlu** diadakan jika jumlah atau peratusan majoriti kemenangan DUN/MP itu melebihi daripada peratusan yang telah ditetapkan oleh pihak SPR, parti yang menang boleh melantik pengganti. SPR perlu mengkaji piawai yang sesuai bagi tujuan ini.
- 4) Perletakan jawatan atau mengosongkan kerusi DUN/MP tanpa sebab yang tuntas/munasabah akan memberi kesan terhadap proses demokrasi dan pembaziran wang rakyat. PERKEMAS mencadangkan supaya **Ahli DUN/MP yang berbuat demikian hendaklah**

“Masyarakat Didahulukan, Kebajikan Diutamakan”

**disenarai-hitamkan** daripada menjadi calon selama-lamanya termasuklah ahli keluarganya.

- 5) Penggunaan Dakwat Kekal (Indelible Ink) di dalam pilihanraya merupakan suatu alternatif bagi mengelakkan penipuan. Negara-negara seperti Mesir, Filipina, Cameroon dan Afghanistan pernah menggunakannya. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa penggunaannya dapat mengelakkan penipuan, misalnya pemilihan Presiden Afghanistan 2004 dan 2009, ramai saksi mengatakan bahawa dakwat kekal ini boleh dibersihkan. **PERKEMAS tidak menyokong penggunaan dakwat kekal** kerana mana-mana parti boleh memanipulasi penggunaannya. Jika dilaksanakan, adakah jaminan daripada parti yang kalah untuk menerima keputusan itu? Atau mencari alasan lain untuk menolak keputusan pilihanraya? PERKEMAS percaya bahawa satu pilihanraya yang telus dan adil boleh dilaksanakan jika semua parti yang terlibat menghormati kredibiliti SPR.
- 6) Pembahagian kawasan DUN/MP yang seimbang dapat menjamin keseimbangan kuasa di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ia relevan dengan perjanjian ketika Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia bersama Malaya. Keseimbangan ini menjamin kesejahteraan, keharmonian dan semangat 1Malaysia. PERKEMAS mencadangkan agar **SPR mempertimbangkan dengan adil penambahan DUN/MP di negeri Sabah dan Sarawak.**
- 7) Mengundi adalah hak setiap rakyat Malaysia yang telah berumur 21 tahun ke atas. Kos pembiayaan pilihanraya telah mengambilkira jumlah keseluruhan pengundi serta kos-kos logistik lainnya. Sekiranya seseorang yang telah berdaftar sebagai pengundi tetapi tidak datang mengundi tanpa sebab yang munasabah sebenarnya telah membazirkan wang yang telah dibelanjakan. PERKEMAS mencadangkan agar **SPR melaksanakan undang-undang mewajibkan rakyat yang berusia 21 tahun ke atas mengundi.** SPR

"Masyarakat Didahulukan, Kebajikan Diutamakan"

**juga mesti bertegas dalam melaksanakan peraturan bagi mereka yang menghalang seseorang pergi mengundi.**

- 8) Secara amnya, etika berpolitik di negara ini semakin terhakis. Profesionalisme, kematangan dan moral di dalam berpolitik juga semakin pudar akibat dendam, sakit hati dan mementingkan diri. Sekiranya perkara ini dibiarkan, maka kredibiliti para politikus kita akan tercalar. PERKEMAS mencadangkan supaya **SPR mengenakan tindakan kepada parti-parti politik yang menghasut atau membuat kenyataan palsu** melalui laman blog atau mana-mana media massa bertujuan menjatuhkan maruah mangsa.
- 9) Lanjutan daripada senario (8), PERKEMAS mencadangkan agar **SPR mempergiatkan lagi usaha menyedarkan dan mendidik masyarakat** supaya menerima dan menghormati etika berpolitik yang matang dan profesional.
- 10) Peratusan pengundi rakyat Malaysia di luar negara adalah sangat kecil berbanding dengan pengundi domestik (dalam negara). PERKEMAS mencadangkan supaya **SPR menumpukan para pengundi domestik** dengan memberi kesedaran bahawa membuang undi adalah penting bagi sesebuah negara bagi memantapkan proses demokrasi berjalan dengan baik. Oleh itu, jumlah peratusan pengundi domestik yang turun membuang undi akan bertambah.
- 11) Selepas pembubaran, secara tidak langsung parti-parti politik telah memulakan kempen. **PERKEMAS tidak bersetuju tempoh kempen dipanjangkan kepada 21 hari, walau bagaimanapun bagi Sabah dan Sarawak boleh dipertimbangkan atas faktor geografi.** Masa kempen yang panjang mungkin menyebabkan berlaku persengketaan di antara parti-parti yang bertanding. Masa di antara 8 hingga 10 hari adalah memadai.